

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, September 17, 2017 2:31 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Liga Bola Sepak Rakyat: Kubang Pasu-UUM Beraksi Hebat



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



17 SEPTEMBER 2017 / 26 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

LIGA BOLA SEPAK RAKYAT: KUBANG PASU-UUM BERAKSI HEBAT



UUM ONLINE: Perlawanan Liga Bola Sepak Rakyat Zon Utara 2017/2018 kumpulan K/R 1 antara Kubang Pasu-UUM dan Kulim di Stadium Mini UUM petang semalam, menyaksikan kedua-dua pasukan terikat seri, 1-1.

UUM-Kubang Pasu bermula baik apabila berjaya mendahului pasukan lawan menerusi jaringan Amir Husni pada minit ke-21, yang mudah menyepak masuk bola ke gawang pasukan Kulim FC.

Pasukan Kubang Pasu-UUM kekal mendahului 1-0 sehingga tamat separuh masa pertama.

Kedua-dua pasukan saling mengasak pada babak kedua, dan pasukan Kulim akhirnya berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-54 setelah penjaga gol Kubang Pasu-UUM, Ahmad Norman Hat gagal menangkap kemas bola cubaan jarak jauh pasukan Kulim dan kesempatan itu bijak diambil Ku Mohd Anuar untuk menanduk masuk gol penyamaan.

Kubang Pasu-UUM terpaksa beraksi dengan 10 orang pemain pada 20 minit terakhir permainan setelah pemainnya, Mohd Amar Fikri, di arah keluar padang kerana dilayang kad merah.

Kedua-dua pasukan kemudian masing-masing cuba mencari gol kemenangan, namun gagal dan keputusan 1-1 itu kekal sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Pasukan Kubang Pasu-UUM perlu mencari kemenangan apabila bertemu Langkawi pada perlawanan kedua kumpulan K/R 1 di tempat lawan yang dijadualkan pada 30 September ini bagi mencerahkan peluang untuk mara ke peringkat seterusnya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.